

<Name Orang Yang Dilindungi> Yang Dihormati,  
Dokumen Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga sepatutnya membacanya.**

Nama Produk: Sun Cover-i (Ini adalah produk takaful)

Tarikh dicetak: <dd/mm/yyyy>

**1. Apakah Sun Cover-i?**

Sun Cover-i adalah plan takaful keluarga tempoh berkelompok pembaharuan bulanan dengan perkongsian berlebihan yang menawarkan perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi sehingga umur 50 tahun. Ia menawarkan bayaran manfaat secara sekali gus sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) ke atas orang yang dilindungi akibat segala sebab.

**Prinsip-prinsip Syariah:**

- Antara pemilik sijil dana takaful untuk bantuan kewangan bersama di bawah prinsip tabarru' (sumbangan sukarela).
- Antara pengendali takaful ("Sun Life Malaysia Takaful Berhad") dan pemilik sijil dalam menguruskan dana-dana takaful di bawah prinsip wakalah (perlantikan ejen/wakil).

**2. Ketahui Perlindungan-perindungan Anda**

Sebagai ilustrasi, dengan **RM15.00** bulanan (termasuk cukai perkhidmatan, jika ada), anda akan menerima **perlindungan** takaful berikut:

Kematian/Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>RM60,000</b></li> <li>• Jumlah maksimum agregat manfaat TPD yang akan dibayar ke atas orang yang dilindungi di bawah sijil ini dan semua polisi atau sijil individu dan berkelompok dengan kami adalah terhad kepada RM2,000,000.</li> </ul>
Tempoh perlindungan	Sehingga umur 50 tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Takaful keluarga anda **tidak meliputi:**

- Tiada pengecualian untuk produk ini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:  
1300-88-5055



Layari laman web kami di:  
<https://www.sunlifemalaysia.com>



Emel kepada kami di:  
[wecare@sunlifemalaysia.com](mailto:wecare@sunlifemalaysia.com)



Untuk tuntutan berkaitan:  
<https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>.

**3. Ketahui Tanggungjawab Anda**

Untuk takaful keluarga anda, anda mesti membayar sumbangan takaful sebanyak:

Sumbangan bulanan (termasuk cukai perkhidmatan, jika berkenaan)	<b>RM15.00</b> <b>Nota:</b> Sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin akan disemak semula dari semasa ke semasa. Notis bertulis 14 hari lebih awal akan diberikan kepada anda dan semakan sumbangan tersebut akan berkuatkuasa mulai ulang tahun bulanan e-sijil seterusnya. Akibat daripada sebarang perubahan sumbangan, amaun yuran wakalah, tabarru' dan komisen akan berubah dengan sewajarnya.
Tempoh sumbangan	Sehingga umur 50 tahun.

**Anda juga harus membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:**

Duti setem	<b>RM10.00.</b> Jumlah ini akan ditanggung oleh kami.
Yuran wakalah	<b>50%</b> daripada sumbangan bulanan yang dibayar atau <b>RM7.50.</b>
Komisen	<b>10%</b> daripada sumbangan bulanan yang dibayar atau <b>RM1.50.</b>
Cukai perkhidmatan	<b>Tidak berkenaan.</b>
Yuran-yuran lain yang berkenaan	Tabarru' - Tabarru' yang ditolak adalah untuk membayar kos perlindungan manfaat.
Perkongsian kami dalam lebihan dana tabarru' peserta, jika ada	50% daripada lebihan yang ditentukan secara tahunan.

4.

#### Terma-terma Utama

- **Keperluan pendedahan** - Anda dikehendaki mendedahkan kesemua fakta penting seperti keadaan perubatan dan umur atau tarikh lahir anda dengan betul. Jika sijil takaful ini sepenuhnya untuk tujuan peribadi, anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk mendedahkan apa-apa fakta yang anda tahu akan berkaitan terhadap kami dan tidak mengelirukan kami. Kewajipan pendedahan berterusan adalah tugas anda sehingga sijil ini dikeluarkan.
- **Penamaan** - Anda boleh mencalonkan penama dan memastikan penama anda menyedari pelan takaful yang anda sertai.
- **Perubahan kepada maklumat hubungan/maklumat peribadi** - Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat akan sampai kepada anda tepat pada masanya.
- **Tempoh tenggang** - Tempoh tenggang tidak terpakai untuk produk ini.
- **Tiada sumbangan bayaran dan tempoh tiada perlindungan** - Sekiranya anda tidak membayar sumbangan sebelum tarikh perlindungan bermula berikutnya, tiada perlindungan takaful akan diberikan dan tiada manfaat-manfaat takaful akan dibayar. Tempoh maksimum sehingga 6 bulan diberikan untuk mengaktifkan semula perlindungan takaful dari tarikh perlindungan tamat seperti yang ditunjukkan di dalam e-sijil yang terkini. Sejurus selepas 6 bulan berturut-turut tanpa sumbangan bayaran, sijil takaful akan luput.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak induk dan/atau sijil takaful untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

?

#### Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh semakan percuma** - Anda boleh membatalkan sijil takaful anda dalam masa 15 hari kalendar dari tarikh penghantaran sijil takaful yang pertama. Kami akan memulangkan sumbangan penuh yang telah anda bayar.
- **Notis bertulis** - Anda boleh membatalkan sijil takaful anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Tarikh berkuatkuasa penyerahan adalah pada tarikh perlindungan tamat mengikut tempoh perlindungan dan tiada nilai tunai atau pro-rata sumbangan akan dibayar apabila diserahkan.

#### Nota Penting:

Menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Anda mesti memilih jenis pelan yang memenuhi keperluan peribadi anda dengan sebaiknya. Anda seharusnya membaca dan memahami dokumen sijil takaful dan berbincang dengan wakil kami yang diberi kuasa atau terus menghubungi kami untuk maklumat lanjut.

Pelan ini diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad <Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)>, pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pelan ini diedarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872. CIMB Islamic Bank Berhad berpejabat di Aras 17 Menara CIMB, No 1 Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.